

BAB KETIGA

DERIVASI (ISYTIQĀQ) (الإِسْتِقَاقُ)

3.0. PENDAHULUAN

Antara faktor penting yang boleh memperkayakan bahasa Arab ialah Isytiqaq (الإِسْتِقَاقُ). Dengan wujudnya isytiqaq atau derivasi dapat memperluaskan pecahan kata di dalam bahasa Arab sehingga beratus-ratus, malah bagi perkataan-perkataan tertentu hampir mencapai angka ribuan bentuk perubahan kata, yang asalnya daripada kata sumber yang satu.

Inilah yang menjadi keistimewaan bahasa Arab kalau hendak dibandingkan dengan bahasa Melayu yang hanya menerima sedikit sahaja perubahan. Bahasa Arab boleh dikembangkan kata sumbernya yang satu kepada berbagai-bagai bentuk kata. Sebagai contoh, satu kata sumber bahasa Arab boleh diubah kepada 14 bentuk kata kerja kala lampau (KKkl), 14 bentuk kata kerja kala kini (KKkn) dan enam bentuk kata kerja Imperatif (perintah) (KKim). Kesemuanya itu berjumlah 34 bentuk pola. Ia adalah daripada kata kerja Aktif, manakala KK Pasif pula dipecahkan kepada 28 bentuk yang terdiri daripada KKkl dan KKkn.

Setiap kata kerja bolah diimbuhkan dengan huruf-huruf penambahan yang mempunyai berbagai-bagai wazan (kata timbang) dan setiap wazan boleh menerima perubahan bentuk sehingga 34 bentuk kata kerja aktif dan 28 bentuk

kata kerja pasif. Kemudian, setiap bentuk KK yang disebutkan di atas boleh diderivasikan dengan kata nama Derivasi Kecil . Setiap kata nama yang berhasil daripada proses derivasi itu boleh diproses kepada maskulin dan feminin, kata dual dan kata jamak, tasghir (pengecilan), nasab (nisbah), dan sebagainya. Kesemua bentuk-bentuk dan pola-pola di atas adalah membawa visi makna yang berlainan dan berbagai-bagai.

3.1. DEFINISI DERIVASI

Harimurti Kridalaksana. (1983 ; 33) telah mendefinisikan darivasi sebagai “ proses pengimbuhan afiks noninflektif pada dasar untuk membentuk kata.

Mengikut definisi yang telah diberi oleh para ahli morfologi dan linguistik Arab ialah pengambilan kata daripada kata, dengan syarat dua perkataan itu mempunyai ciri persamaan pada lafadz, makna dan penyusunan huruf, tetapi ada kelainan dari aspek sebutan (صيغة) (Al-Ghalāyīnī ,1984 : 213).

Contohnya Perkataan **أَكْتُبْ** (KKm) memberi arti : **Tulislah kamu (lelaki)** diambil daripada **يَكْتُبْ** (KKkn) memberi arti : **Dia (lelaki) sedang menulis**. Ianya diambil daripada **كَتَبَ** (KKkl) memberi arti : **Dia(lelaki) telah menulis**. Perkatan itu diambil daripada **الْكِتَابَةُ** (kata sumber) yang bermaksud “ **Penulisan** . Daripada perkataan **الْكِتَابَةُ** boleh diderivasikan kepada **كَاتِبٌ** yang bererti **orang yang menulis (lelaki)**, **مَكْتُوبٌ** yang **ditulis**, **مَكْتَبٌ** **tempat tulis dan masa menulis**, dan **مِكْتَبٌ** **alat menulis**.

Contoh-contoh tersebut adalah contoh perkataan yang biasa dibincangkan oleh ahli morfologi iaitu perkataan yang berasal dari kata sumber abstrak yang boleh dikembangkan kepada berbagai-bagai kata kerja dan kata nama derivasi kecil, tetapi di sana terdapat perkataan yang merujuk kepada kata nama zat (KN Konkrit). Contoh seperti (مَذَهَبٌ) **مُفَضْضٌ** (مَذَهَبٌ) yang bererti, bersalut emas dan berbalut perak. Asal perkataannya adalah (الْذَّهَبُ) dan (الْفِضَّةُ) yang bererti emas dan perak. Perumpamaan Arab ada menyebutkan (إِنَّ الْبَغَاثَ يَأْرِضُنَا يَسْتَنِسُرُ) yang bererti : Burung-burung kecil di negeri kita sudah mula menjadi helang, yakni sudah mula menjadi kuat. Perkataan (يَسْتَنِسُرُ) diambil daripada perkataan (النَّسْرُ) yang bererti helang. Terdapat perkataan yang merujuk kepada tempat seperti (تَبَغَّدَ) yang bererti masuk ke Baghdad. Asal perkataan itu ialah (بَغْدَادٌ). Contoh lain seperti (أَبْحَرَ) yang bermaksud belayar di laut. Asal perkataannya ialah (الْبَحْرُ) iaitu laut. (Ibrahim Mohammad Najā, 1978 : 48)

3.2 KEPENTINGAN DERIVASI

Bahasa merupakan alat komunikasi yang sangat diperlukan oleh manusia. Tanpa bahasa manusia tidak dapat berkomunikasi dengan berkesan. Bahasa sebagai wahana komunikasi yang digunakan untuk memperkatakan bermacam-macam hal, aspek, bidang dan peristiwa yang berlaku di sana sini.

Derivasi ialah satu unsur yang sangat penting bagi memperluaskan dan memperkembangkan sesuatu bahasa. Bahasa akan menjadi luas dan

berkembang apabila digunakan dalam pelbagai situasi dengan pelbagai tujuan dan maksud, terutamanya di zaman kemajuan sains dan teknologi, banyak ciptaan-ciptaan terbaru bertambah dengan pesatnya. Oleh itu perlu dicipta perkataan-perkataan dan istilah-istilah yang sesuai dengan ciptaan dan rekaan tersebut. Bahasa Arab juga tidak ketinggalan bertembung dengan situasi ini, malah menjadi keistimewaan orang-orang Arab dan ahli-ahli bahasa Arab tidak suka kepada pemindahan istilah-istilah asing ke dalam bahasa mereka, kecuali kerana amat terpaksa. Sebab itulah kita lihat terlalu sedikit pengambilan istilah-istilah asing di dalam bahasa Arab.

Jadi, orang - orang Arab dan para sarjana Arab telah mencipta perkataan (الجَمْزَى) untuk **keretapi elektrik** (transit laju). Ia diambil dari (الجَمْزَى) yang bermaksud **keldai yang pantas**. (Ibrahim Mohammad Najā, 1978 : 67)

Kesimpulannya kewujudan derivasi tidak hanya terbatas pada satu-satu masa tertentu sahaja, malah ia sentiasa wujud dan sentiasa muncul mengikut keperluan semasa sesuai dengan bahasa yang salah satu cirinya adalah dinamik.

3.3. BAHAGIAN-BAHAGIAN DERIVASI

Umumnya derivasi terbahagi kepada beberapa bahagian. Tetapi yang paling masyhur di kalangan sarjana linguistik Arab ialah tiga sahaja iaitu, derivasi kecil, derivasi besar dan derivasi terbesar. Walau bagaimana pun sesetengah ahli linguistik Arab telah mengkategorikan **akronim** (النَّحْتُ) sebagai sebahagian daripada derivasi. Mereka menganggap akronim sebagai

derivasi paling besar. Pendapat ini terdiri dari kalangan ahli linguistik moden (Dr.Ibrahim Muhammad Najā, 1975 : 66).

3.3.1. DERIVASI KECIL

Derivasi Kecil adalah derivasi yang biasa berlaku dan sangat luas tersebar di dalam bahasa Arab. Ia merupakan suatu kaedah penerbitan kata bahasa Arab, daripada kata sumber yang mempunyai persamaan (kesesuan) dari sudut makna,huruf dan susunannya.

Mengikut Jumhūr di kalangan sarjana linguistik Arab di setiap peringkat masa mengatakan bahawa derivasi kecil dapat menerbitkan sepuluh terbitan kata (Muhammad Al Antōki, TT : 421).

Contoh :

- (1) Kata Kerja Kala Lampau (KKkl) (الفِعْلُ الْمَاضِي)
- (2) Kata Kerja Kala Kini (KKkn) (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ)
- (3) Kata Kerja Imperatif / Perintah (KKim) (فِعْلُ الْأَمْرِ)
- (4) Kata Nama Pelaku (KN Pelaku) (رَسْمُ الْفَاعِلِ)
- (5) Kata Nama Objek (KN Objek) (رَسْمُ الْمَفْعُولِ)
- (6) Adjektif Kekal (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ)
- (7) Kata Nama Perbandingan (KN Perbandingan) (رَسْمُ التَّقْسِيلِ)
- (8) Kata Nama Masa (KN Masa) (رَسْمُ الزَّمَانِ)
- (9) Kata Nama Tempat (KN Tempat) (رَسْمُ الْمَكَانِ)
- (10) Kata Nama Alat (KN Alat) (رَسْمُ الْآْكِلَةِ)

Sebahagian ahli morfologi mengkategorikan KN Hiperbola (الصِّيَغَةُ الْمُبَالَّغَةُ) sebagai KN derivasi kecil. Tetapi setelah diselidikki didapati ianya tergolong di dalam KN Adjektif Kekal (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) (Syekh Mustafa Gholayini, 1987 : 193).

Syekh Mustafa Gholayini (1987, Juzuk 2 : 6) telah mengaggap kata Sumber berawalan *mim* (المَصْدَرُ الْمِنْيَمِيُّ) dan kata Sumber bagi kata kerja yang lebih daripada tiga huruf adalah tergolong daripada terbitan kata derivasi kecil.

Derivasi kecil dalam bahasa Arab adalah amat penting kerana bahasa Arab yang terdiri daripada satu kata sumber mampu menerbitkan bentuk kata-kata baru yang juga mempunyai pelbagai makna baru dan fungsi nahanuan yang berbeza, samada kata nama atau pun kata kerja.

Perkara ini berlaku melalui proses pengimbuhan fonem-fonem pada kata sumber (kata dasar). Inilah yang menjadikan bahasa Arab begitu terunggul dan keistimewaan yang tersendiri yang mampu mengikut perkembangan dan peredaran zaman. Sebagai contoh derivasi kecil ini boleh dilihat perkembangannya daripada kata sumber seperti (كِتَابٌ = tulisan) yang kata dasarnya (ك، ت، ب) di dalam rajah berikut :

Bil.		Derivasi Kecil	Makna
1	KKkl	كِتَابٌ كِتَبٌ	dia(M) telah menulis dia(F) telah menulis
2	KKkn	كِتَابٌ كِتَبٌ	dia(M) sedang menulis dia(F) sedang menulis
3	KKim	أَكْتَبَ أَكْتَبَهُ	tulislah (M) tulislah (F)
4	KN Pelaku	كَاتِبٌ كَاتِبَةٌ	penulis (M) penulis (F)
5	KN Objek	مَكْتُوبٌ مَكْتُوْبَةٌ	yang ditulis (M) yang ditulis (F)
6	KN Tempat	مَكْتَبٌ مَكْتَبَةٌ	tempat tulis (M) / meja tulis / pejabat perpustakaan (F) / tempat membaca dan menulis
7	KN Masa	مَكْتَبٌ	masa menulis
8	KN Alat	مَكْتَبٌ	alat menulis

Di dalam contoh di atas, dapat dilihat perubahan-perubahan bentuk hasil daripada proses derivasi kecil daripada kata sumber (كِتابَةً) yang memberi erti berbagai - bagi. Perlu penulis menjelaskan di sini bahawa tidak semua kata dasar (أ.ك ، ت ، ب) dapat diterbitkan kepada semua kata nama derivasi kecil kerana tidak ada kesesuaian makna dan tidak menepati kaedah dan peraturan yang telah ditetapkan di dalam bahasa Arab. Sebagai contoh, KN Adjektif Kekal (الصِّفَةُ الْمَشْبِهُ) tidak boleh diterbitkan daripada kata kerja yang mana kata dasarnya (أ.ك .ت .ب .) , kerana ia adalah daripada kata

kerja transitif. Sedangkan KN Adjektif Kekal mesti diterbitkan daripada kata kerja tak transitif.

3.3.2 . DERIVASI BESAR

Derivasi besar ialah perubahan di antara dua perkataan atau lebih yang mempunyai kaitan sebutan dan makna, tetapi penyusunan hurufnya berbeza dan boleh berubah-ubah. Ianya berbeza dengan derivasi kecil dari sudut susunan hurufnya, kerana pembentukan katanya adalah mengalami pertukaran kedudukan huruf atau fonem di dalam kata dasar itu sendiri. Contoh seperti perkataan (جَذَبْ = **menarik**) dan (جَذَّبْ = **menarik**).

Sesetengah di kalangan sarjana morfologi menganggap derivasi besar ini sebagai (الْقَلْبُ الْمَكَانِي) (metathesis). Ahli linguistik klasik yang terkemuka iaitu Ibnu Jinni telah menganggap derivasi jenis ini sebagai derivasi besar. Beliau telah meletakkannya dalam satu fasal (bab) khas di dalam bahagian (Juzu') pertama di dalam buku beliau yang bernama **Al-Khosō'is**. Beliau dianggap sebagai orang yang mula-mula membuat kajian tentang derivasi.

Mengikut Dr.Ibrahim Mohammad Najā (1975 : 62) menyatakan bahawa Al Khalīl bin Ahmad Al Farāhidi (wafat tahun 175 H) telah menceburि bidang ini di dalam penyusunan kamus beliau yang diberi nama **Al-Ain**. Maka hasil daripada kaedah penyusunan kamus beliau berdasar kepada “ pembalikan

huruf ” telah mencetuskan idea Ibnu Jinni dalam menghasil kajian tentang derivasi besar ini.

Mengikut kaedah yang telah ditetapkan oleh ahli linguistik menyatakan bahawa setiap perkataan yang selalu digunakan adalah perkataan asal (المُشتقّ) . Manakala perkataan yang jarang digunakan adalah perkataan hasil dari derivasi (منه). Seperti contoh yang telah disebutkan iaitu (جَذَبٌ) adalah selelu digunakan, maka ia adalah perkataan asal dan (جَبْدٌ) yang juga memberi maksud “ **menarik** ” jarang digunakan maka ia adalah perkataan baru melalui proses derivasi besar.

Menurut kaedah derivasi besar, mana-mana perkataan dalam derivasi ini dikumpulkan di bawah satu makna umum sebagai suatu pemusatan bagi kesemua maknanya. Ada suku kata dapat diterbitkan menjadi enam perkataan ekoran ditukar-balikkan huruf yang sama, tetapi masih lagi mempunyai makna umum yang sama. Contohnya seperti perkataan (جَبْرٌ) yang bermakna “ **kuat dan kuasa** ” dapat diterbitkan enam bentuk kata sebagaimana di dalam rajah di bawah :-

Bil		Kata dasar	Kata	Makna
1	ja ba ra	ج ب ر	الْجَبْرُ	kuat / kuasa
2	ba ra ja	ب ر ج	بَرَاجَ	meninggi/nyata/kuat
3	ra ja ba	ر ج ب	رَجَبَ	membesarkan/memuliakan/
4	ja ra ba	ج ر ب	الْمُجْرِبُ الْجَرَبَاءُ	teguh / kuat langit
5	ba ja ra	ب ج ر	الْبُجُورُ	Perkara Besar
6	ra ba ja	ر ب ج	الرَّبَاجِيَّ	yang besar/megah/yang kuat

Perkataan-perkataan di atas, mempunyai ciri-ciri makna ketinggian, kekuatan dan kebesaran. Walau bagaimanapun, terdapat pandangan ahli linguistik moden tidak bersetuju dengan pandangan yang menyatakan setiap yang besar dan tinggi itu kuat kerana tidak semestinya setiap yang besar dan tinggi itu adalah sesuatu yang kuat. Mereka berpendapat setiap pandangan yang telah dibawa oleh Ibnu Jinni mengenai derivasi besar adalah merupakan teori yang boleh diterima dan boleh ditolak dan banyak perkara yang boleh dipertikaikan (lihat, Al-Wajiz Fi Fiqhi Al-Lughah - Mohammad Al-Antakiy, TT : 426 dan 427).

3.3.3. DEREVASI TERBESAR

Derivasi terbesar ialah penukaran satu-satu huruf perkataan dengan huruf yang lain. Iaitu perkaitan setengah himpunan bunyi dengan makna tetentu secara umum dan tidak terlalu terikat, bahkan maknanya lebih bergantung kepada susunan bunyi berkenaan. Penukaran antara dua bunyi berkenaan dilakukan berdasarkan unsur berdekatan tempat keluar (makhraj) bunyi keduanya dan persamaan atau hampir sama pada sifat bunyinya.

Antara contoh-contohnya, seperti hubungan antara perkataan (نَعْقٌ) dan (نَهْقٌ). Kedua-duanya mempunyai ciri persamaan huruf nūn (ن) dan huruf Qāf (ق) dan berbeza pada huruf hā' (ه) dan 'ain (ع) yang kedua-dua huruf ini tempat keluar ujarannya sama iaitu, peti suara yang meliputi ruang rongga rengkung. Kedua-duanya mempunyai perkaitan makna yang sama iaitu bunyi (suara) yang buruk (Hudoh). Contoh di dalam bentuk ayatnya ialah :

1) نَعْقَ الْغُرَابُ (na'aqa) = **Burung gagak berkukuk**

(berbunyi)

2) نَهْقَ الْحِمَارُ (nahaqa) = **Keldai berteriak** (bersuara keras)

Kedua-dua kata kerja di dalam ayat di atas memberi makna bunyi yang buruk dan tidak sedap didengar.

Begitu juga dengan perkataan di dalam ungkapan (هَتَّنَ الْمَطَرُ) dan (هَطَلَ الْمَطَرُ), yang pertama memberi makna hujan renyai-renyai manakala yang kedua pula memberi makna hujan lebat. Di sini terdapat satu persamaan huruf iaitu ha' (ﺢـ) dan dua perkataan yang masing-masing berbeza iaitu perkataan ta' (تـ), nūn (نـ) dan ḥa' (طـ), lām (لـ). Kedua-dua huruf ta' (تـ) dan ḥa' (طـ) adalah dari tempat pengujaran yang sama iaitu hujung lidah. Cuma pengujaran huruf (تـ) lebih ringan berbanding dengan huruf (طـ). Manakala kedua huruf nūn (نـ) dan lām (لـ) pula ujarannya keluar dari hujung lidah yang dirapatkan dengan gusi atas.

Para pengkaji bahasa menamakan derivasi ini dengan nama derivasi terbesar kerana ia memerlukan kepada pemerahan fikiran untuk memahami hubungan antara dua perkataan tersebut (Dr.Ibrahim Mohammad Najā ; 1975 : 65).

3.3.4. AKRONIM

Menurut Harimurti Kridalaksana, (1983 : 4) telah mendefinisikan akronim sebagai “ kependekan yang berupa gabungan huruf atau suku kata atau bahagian lain yang ditulis dan dilafazkan sebagai kata yang wajar. ”

Ia juga dianggap sebagai derivasi paling besar oleh kalangan sesetengah sarjana morfologi Arab terutama golongan sarjana terkini. Ia adalah proses penggabungan dua kata atau lebih hingga menjadi satu kata baru yang masih

membawa maksud asal sebelumnya. Contoh dalam bahasa Melayunya ialah, Pawagam = Panggong Wayang Gambar, cerpen = Cerita Pendek, Tadika = Taman Didikan Kanak-kanak dan lain-lain. Contoh dalam bahasa Arab ialah

1) (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) menjadi (الْبَسْمَةُ)

2) (لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ) menjadi (الْحَوْقَلَ)

3) (أَطَالَ اللَّهُ بَقَاءَكَ) meajadi (الْطَّلْبَ)

Ahli linguistik Arab telah membahagikan akronim kepada empat bahagian iaitu : - (lihat : Muhammad al- Antaki , TT : 429)

1. Akronim Kata Kerja.

Iaitu akronim yang membentuk kata kerja daripada sejumlah ayat yang dituturkan. Seperti perkataan :

a. (لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ) daripada ayat (الْحَوْقَلَ)

b. (سُبْحَانَ اللَّهِ) daripada ayat (سَبْحَلَ)

c. (السَّلَامُ عَلَيْكُمْ) daripada ayat (سَمَعَلَ)

dan lain-lain.

2. Akronim Kata Sifat.

Iaitu akronim yang membentuk kata sifat daripada dua perkataan yang membawa makna yang sama.

Contoh :

a. (الضَّبْطُ) yang membawa makna “ **lelaki yang kuat** ”, daripada dua perkataan (ضَبْطٌ = kuat) dan (طَبْرُ = berperang)

b. (الصَّهْلَقُ) yang bermakna “ **suara yang nyaring** ” daripada dua perkataan (صَهْلٌ = berpekipik (kuda/keldai) dan (صَلَقٌ = bertempik).

3. Akronim Kata Nama

Iaitu akronim yang menerbitkan kata nama daripada dua perkataan.

Contoh :

a. (الْجَلْمُودُ) yang bermakna “ **batu yang keras** ”, berasal daripada dua perkataan (جَلْدٌ = membeku) dan (جَمَدٌ = beku / kikir)

b. (الْحَبَقَرُ) yang bermaksud “ **kesejukan** ”, yang diambil daripada dua perkataan (حَبَقَرٌ = biji-biji sejuk)

4. Akronim Nasab.

Iaitu akronim yang dibangsaan sesuatu atau seseorang kepada dua buah bandar atau dua orang lelaki dan kemudiannya menjadi satu kata nama berbentuk nisbah atau nasab.

Contoh :

a. (طَبَرْخِزِيَّ) diterbitkan daripada dua nama bandar iaitu (خَوَارِزْمُ) dan (طَبَرْسَانُ).

b. (حَفْلَتِيَّ) diterbitkan daripada dua nama orang iaitu (أَبُو حَنِيفَةَ) dan (الْمُعْتَزِلَةُ).

Di sana terdapat juga akronim yang dihasilkan atau dibangsaan kepada nama seseorang yang tersusun daripada dua perkataan, seperti (عَبْدُ شَمْسٍ), apabila akronim berlaku , jadilah (عَبْشِمِيَّ), (عَبْدُ الدَّارِ) menjadi (عَبْدَرِيَّ) dan sebagainya.

3.4. TUJUAN DERIVASI

Hasil kajian terhadap derivasi di dalam bahasa Arab, penulis mendapati ada beberapa tujuan dan kepentingan derivasi, di antara lain ialah :

1. Menentukan jantina.

Melalui proses derivasi dapat membezakan jantina atau genus, samada maskulin atau feminin .

contoh :

a. Kata kerja

KK. → (يَصْرِبُ = dia(maskulin) sedang memukul.)

KK → (تَصْرِبُ = dia(feminin) sedang memukul)

b. Kata nama

KN → (ضَارِبٌ = yang memukul (maskulin))

KN → (ضَارِبَةٌ = yang memukul (feminin))

2. Menentukan Bilangan

Dengan proses derivasi, dapat menentukan bilangan sesuatu perkataan .

contoh :

KK → (يَصْرِبانِ) mereka berdua (M) sedang memukul

KN → (الضَّارِبَانِ) dua orang yang memukul (M)

3. Untuk menentukan masa / kala

Dengan adanya proses derivasi dapat menentukan masa, samada masa lampau, masa kini dan masa akan datang .

contoh :

Kata (**يَذْهَبُ** = dia (M) sedang pergi) menandakan masa sekarang ,
(**ذَهَبَ** = dia (M) telah pergi) ia menandakan masa lampau dan
(**سَيْذَهَبُ** = dia (M) akan pergi) menandakan masa akan datang.

4. Untuk Menentukan Fungsi Nahuan

Derivasi boleh mewujudkan fungsi nahuan yang berbeza.

Contoh :

perbezaan di antara perkataan (**فَاتِحٌ** = yang membunuh (M)) dengan (**مَقْتُولٌ** = yang kena bunuh (M)). Apabila dua perkataan ini hadir di dalam ayat, akan berlaku fungsi nahuan yang berbeza.

5. Menentukan KK Transitif dan Tak Transitif

Contohnya seperti perkataan (**نَامَ** = dia tidur) apabila ditukarkan dengan perkataan (**نَوَمَ**) ia akan memberi makna menidurkan.

Perkataan (**نَامَ**) tak transitif dan perkataan (**نَوَمَ**) adalah transitif.

6. Membezakan Di antara Aktif dan Pasif.

Peranan derivasi juga boleh membezakan di antara kata kerja pasif dengan kata kerja aktif.

Contoh :

Perkataan (**ضَرَبَ**) = dia (M) telah memukul) manakala

(ضرب = dia (M) telah dipukul).

7. Menyatakan Tempat

Dengan proses derivasi dapat menyebut tempat berdasarkan derivasi dari kata kerja itu sendiri seperti perkataan (مدرسة = **tempat belajar**), asal dari perkataan (درس = **belajar**.)

8. Meringkaskan Ayat

Derivasi memainkan peranan utnuk meringkaskan ujaran ayat. Dalam bahasa Arab tidak perlu sebut perkataan - perkataan yang banyak, hanya memadai dengan satu sebutan sahaja .

Contoh :

Perkataan (اكتب) yang membawa makna, **tulis olehmu (tetapi)**.

9. Mengembangkan Makna

Proses derivasi boleh mengembangkan makna, daripada satu kata kerja boleh dikembang sehingga beratus - ratus bentuk perkataan lain yang membawa makna yang berbeza-beza.

10. Menyenangkan Sebutan

Daripada perkataan yang satu, yang sudah biasa disebut seperti

(خَرْجٌ = **Kha, ra, ja,**) apabila diderivasikan kepada (خَارِجٌ = **Khārij(un)**) atau (مُسْتَخْرِجٌ = **mustakhraj(un)**) lebih mudah disebut atau diujarkan kerana ianya berasal daripada kata dasar yang satu.

11. Memudahkan Pemahaman Makna.

Dengan wujudnya derivasi, pengguna bahasa lebih mudah memahami makna dan boleh mengak makna perkataan yang tidak pernah didengari atau ditemuinya.

Contoh :

Perkataan (ضَرْبٌ) yang sudah diketahui maknanya ialah “**pukul**” tetapi apabila ditemui perkataan (المِضْرَابُ) atau (المِضْرَابُ) maka boleh diagak maknanya iaitu **alat pemukul** atau **reket**.

12. Menjaga Keunggulan Bahasa Arab.

Dengan adanya proses derivasi dapat mengawal bahasa Arab daripada kemasukan bahasa asing dengan tidak terkawal. Dengan ini dapat mengawal bahasa Arab sebagai bahasa yang terunggul di dunia dan dengannya diturunkan Al-Qur'an.

13. Memberi Makna Yang Tepat.

Proses derivasi bahasa Arab dapat memberi pemahaman makna satu

-satu perkataan dengan tepat dan sangat sesuai menjadi bahasa undang - undang. Penutur bahasa Arab mampu memahami dan dapat menterjemahkannya ke dalam bahasa lain dengan betul dan tepat makna perkataan bahasa Arab jika ia dapat memahami proses derivasi dengan betul.

14. Perbezaan Dengan Bahasa Asing

Melalui Proses derivasi dapat kita membezakan di antara bahasa Arab dengan bahasa asing yang **diarabkan**. Kerana kebanyakan bahasa asing yang **diarabkan** tidak boleh diwazarkan (ditimbangkan) dengan wazan - wazan derivasi bahasa Arab.